

ANALISIS TERJEMAHAN KATA EMOSI JEPUN KEPADA BAHASA MELAYU DALAM NOVEL *TSUKURU TAZAKI TANPA WARNA*

(Analysis of the Japanese-to-Malay Translation of Emotion Words in the Novel Colorless Tsukuru Tazaki)

Farhan Athirah Abdul Razak¹ 

abkichul.farhan@gmail.com

farhan.athirah.binti.abdul.razak.x0@tufs.ac.jp

Normalis Amzah² 

normalis@ukm.edu.my

School of Language and Cultural Studies, Tokyo University of Foreign Studies, 3-11-1, Asahi-cho, Fuchu-shi, Tokyo 183-8534 Japan.¹

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.²

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):²

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Farhan Athirah Abdul Razak & Normalis Amzah. (2024). Analisis Terjemahan Kata Emosi Jepun kepada Bahasa Melayu dalam Novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna*. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 299–328. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no5)

Peroleh: Received:	14/10/2024	Semakan: Revised	30/10/2024	Terima: Accepted:	12/11/2024	Terbit dalam talian: Published online:	27/11/2024
-----------------------	------------	---------------------	------------	----------------------	------------	---	------------

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Dalam kajian yang berkaitan dengan terjemahan, sarjana terjemahan cenderung untuk menyatakan bahawa kata atau frasa dalam aspek budaya adalah antara yang paling sukar diterjemahkan. Walaupun unsur budaya ialah aspek yang menjadi tumpuan kajian sarjana terjemahan, kata emosi tidak pernah diiktiraf sebagai sebahagian daripada unsur budaya. Namun begitu, kajian tentang kata emosi menunjukkan bahawa ungkapan kata emosi dipengaruhi oleh budaya bahasa tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti

kata emosi yang paling signifikan bersama-sama medan semantiknya, seterusnya menganalisis cara kata emosi tersebut diterjemahkan dalam bahasa sasaran. Dalam kajian ini, kekerapan dikira untuk melihat kata emosi yang paling signifikan. Novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna* karya Haruki Murakami dipilih kerana karya penulis ini cenderung untuk memberikan tumpuan terhadap aspek abstrak manusia, iaitu perasaan dan pemikiran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata emosi asas mempunyai kekerapan yang paling rendah dan diterjemahkan secara langsung. Kata emosi paling signifikan yang ditonjolkan dalam novel tersebut ialah *koudoku* dan *sougai* daripada kategori kata emosi kompleks. Kaedah terjemahan yang digunakan untuk kata emosi kompleks ialah strategi yang cenderung kepada bahasa sasaran kerana tiada padanan terjemahan langsung untuk kata emosi kompleks tersebut.

Kata kunci: Kata emosi, terjemahan, bahasa Jepun, bahasa Melayu, Haruki Murakami, unsur budaya

Abstract

In translation studies, scholars find the cultural aspects of words and phrases to be among the most challenging issues in translation. Despite cultural aspects being the main focus in translation studies, emotion words have never been recognized as part of this area of study. However, studies on emotion words have highlighted how the expression of these words is influenced by the culture of the said language. Therefore, this study was conducted to identify the most significant emotion words, together with their semantic field, followed by an analysis of the translation of said words into the target language. In this study, frequency was calculated by observing the most significant emotion words. The novel 'Colorless Tsukuru Tazaki' by Haruki Murakami was selected because his works tend to focus on abstract human traits, such as feelings and thoughts. The findings of the study showed that basic emotion words have the lowest frequency and are directly translated. The most significant emotion words featured in the novel are 'koudoku' and 'sougai' from the category of complex emotion words. The translation method used for complex emotion words is a strategy that is partial to the target language because such words have no translation equivalents.

Keywords: Emotion words, translation, Japanese, Malay, Haruki Murakami, cultural aspects

PENDAHULUAN

Kajian tentang emosi melibatkan bidang yang sangat luas dan lazimnya dalam bidang sains sosial, kognitif dan biologi (Cacioppo & Gardner, 1999:192). Cacioppo dan Gardner (1999:192) menghuraikan bahawa masalah utama dalam kajian emosi ialah kaedah pengukurannya dan kajian terkini tentang emosi mengupas kaedah pengukuran berdasarkan bidang kemanusiaan, kognitif dan biologi. Satu kaedah pengukuran emosi yang digunakan dalam kajian ialah penggunaan mimik wajah (Du et al., 2014; Ekman et al., 2013; Fridlund et al., 2014; Wolf, 2015). Melalui mimik wajah, dapatan kajian Ekman dan Friesen (1971) menunjukkan bahawa pengukuran emosi menggunakan ekspresi muka adalah sekata walaupun responden berasal daripada latar belakang budaya yang berbeza-beza. Apabila ekspresi muka dijadikan sebagai alat pengukuran emosi, sarjana pada ketika itu cenderung untuk menyatakan bahawa luahan emosi itu bersifat sejagat. Sifat sejagat merujuk sesuatu yang alamiah pada diri manusia tanpa dipengaruhi oleh budaya dan sekitarnya.

Sungguhpun dapatan kajian awal cenderung beranggapan bahawa emosi itu bersifat sejagat, Wierzbicka (1992) mengkritik kajian lampau yang mentakrifkan emosi sebagai sejagat. Beliau berhujah bahawa kesimpulan tersebut dicapai melalui hujah yang terang-kum dalam lingkungan budaya Inggeris semata-mata. Sifat sejagat yang dimaksudkan hanya merujuk rangkuman budaya Anglo Saxon dan tidak mencerminkan seluruh dunia. Takrifan emosi sebenarnya hanya dapat dicerna dalam kalangan penutur bahasa Inggeris dan kelihatan begitu asing bagi masyarakat timur. Wierzbicka (1992) menyatakan bahawa setiap bahasa mempunyai kosa kata dan medan semantik yang berbeza-beza. Sarjana itu menyenaraikan beberapa kata emosi yang tidak mempunyai terjemahan harfiah dalam bahasa Inggeris, seperti *tesknic* dalam bahasa Poland. Kata *tesknic* dapat diterjemahkan sebagai merindui kampung halaman, mengharap sesuatu, terkenang-kenang dan nostalgia. Sungguhpun begitu, tiada leksikal bahasa Inggeris yang dapat menggambarkan maksud *tesknic* sepenuhnya. Setiap bahasa mempunyai sudut pandang tersendiri terhadap kata emosi. Emosi ialah sebahagian daripada budaya. Oleh itu, kata emosi akan berbeza-beza berdasarkan bahasa dan budaya masing-masing. Hujah Wierzbicka (1992) selari dengan hujah berkenaan emosi oleh Russel (1991:444) yang merumuskan bahawa penerokaan emosi menggunakan mimik wajah semata-mata tidak mampu menjelaskan cara manusia mengenal pasti emosi. Manusia yang berlatarbelakangkan

budaya yang berbeza-beza dan bertutur dalam bahasa yang berbeza-beza mentakrifkan emosi secara berbeza-beza.

Walaupun Wierzbicka (1992) dan Russel (1991) mengulas cara ungkapan emosi itu berbeza-beza mengikut bahasa dan budaya yang merangkuminya, masalah terjemahan kata emosi masih kurang dikupas oleh sarjana terjemahan lain. Katan dan Taibi (2021) mengakui kewujudan emosi dalam komunikasi seseorang dan penterjemah perlu peka terhadap kehadiran emosi tersebut ketika melakukan tugas terjemahan, tetapi Katan dan Taibi tidak membincangkan terjemahan kata emosi itu sendiri secara langsung. Dalam buku *Translating Cultures: Perspectives on Translation and Anthropology* oleh Jones dalam Rubel dan Rosman (2003) yang membincangkan emosi. Namun begitu, sarjana itu juga tidak membincangkan kata emosi secara langsung. Jones hanya membincangkan kewujudan ungkapan emosi dalam konteks teks yang diterjemahkan.

Walaupun emosi diakui wujud dan perlu diambil kira dalam perbincangan utama tentang terjemahan secara keseluruhan, perbincangan tentang kata emosi itu sendiri masih terhad. Kajian yang meneroka kata emosi dalam penterjemahan hanya dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Bāk (2023), Basnight-Brown et al. (2020), Oster, (2023), Kayyal dan Russell (2013), Holoborodko (2013), Kobayashi et al. (2018) dan Ogren (2003) yang melibatkan bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Rusia, bahasa Polish, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Itali dan bahasa Jerman. Kajian yang berkaitan dengan terjemahan kata emosi bahasa Melayu pula masih belum ditemukan. Kajian tentang terjemahan kata emosi bahasa Melayu dapat memperkaya pustaka bahasa Melayu, selain memberikan maklumat dan ilmu yang penting dalam bidang terjemahan dalam bahasa Melayu atau sebaliknya.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneroka terjemahan kata emosi daripada bahasa Jepun dalam bahasa Melayu. Sejak akhir-akhir ini, novel popular bahasa Jepun mula diterjemahkan dalam bahasa Melayu, seperti *Rumus di Hatinya*, *Andai Kucing Hilang di Dunia*, *Hari-hariku di Kedai Buku Morisaki*, *Selamat Tinggal Kucing*, *Gagal Menjadi Manusia* dan *Kronikel Sang Kucing*. Karya novel ini makin mendapat tempat dalam kalangan pembaca muda di Malaysia sehingga menarik minat penerbit buku *indie* untuk menterjemahkan buku tersebut. Oleh itu, novel Jepun karya pengarang tersohor Jepun, Murakami Haruki dipilih untuk meneroka kata emosi dalam terjemahan. Karya Murakami dipilih bukan semata-mata kerana populariti dirinya dan karya tersebut mendapat tempat dalam kalangan pembaca novel, tetapi kerana karya beliau sering menumpukan

tema emosi. Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan kata emosi dalam bahasa Jepun dan bahasa Melayu, serta terjemahan kata emosi dalam kedua-dua bahasa tersebut terlebih dahulu.

Kata Emosi dalam Bahasa Jepun

Pemahaman terhadap bahasa Jepun penting jika seseorang itu mahu meneroka emosi masyarakat Jepun secara mendalam. Kindaichi (2011) menyatakan bahawa bahasa Jepun mempunyai banyak kosa kata yang melambangkan gangguan terhadap mental seseorang yang dapat ditakrifkan sebagai emosi negatif. Sarjana itu menjelaskan bahawa norma budaya Jepun yang tidak menggalakkan luahan emosi secara terbuka, secara lisan atau bukan lisan menjadikan kata yang berkaitan dengan emosi negatif lebih meluas. Sarjana yang mengkaji kata emosi Jepun, iaitu Hasada (2002, 2006), Holoborodko (2013), Kindaichi (2011), Occhi (2008) dan Sherlock (1984), menyatakan bahawa terdapat dua leksikal yang dapat melambangkan emosi dalam bahasa Jepun, iaitu 心/ *kokoro* dan 気/ *ki*, serta leksikal lain yang mempunyai *kokoro* dan *ki* sebagai komponen utama atau 部首 /*bushu* dalam karakter *kanji*. Dalam bahasa Jepun, tulisan *kanji* merupakan ideogram yang dipinjam daripada bahasa Cina. *Bushu* melambangkan ciri semantik *kanji* tersebut. Oleh itu, untuk meneroka kata emosi dalam bahasa Jepun, sarjana tersebut menyarankan agar perhatian diberikan terhadap kata yang menggunakan *bushu* 心/ *kokoro* and 気/ *ki* atau frasa yang menggunakan kedua-dua leksikal tersebut.

Hasada (2002) mengakui bahawa pengungkapan makna *kokoro* bukan mudah, apatah lagi untuk menterjemahkannya dalam bahasa lain. Grafflin (1983) pula berada dalam dilema untuk menterjemahkan kata *kokoro* sebagai perasaan atau pemikiran. Hasada (2002), Occhi (2008) dan Sherlock (1984) membincangkan konsep *kokoro* dengan mendalamnya untuk melihat caranya berkait dengan perasaan manusia. Sherlock (1984:11) mentakrifkan *kokoro* sebagai kemampuan untuk merasai sesuatu yang saling berkait antara satu dengan lain. Dalam *Kojiki* (buku tertua di Jepun) dan *Manyoushuu* (koleksi puisi Jepun tertua), *kokoro* dianggap sebagai organ fizikal yang mampu merangsang emosi.

Seterusnya, satu lagi leksikal yang menjadi lambang utama emosi dalam bahasa Jepun ialah *ki* yang bermaksud roh, pemikiran atau perasaan. Kata atau leksikal yang terbentuk daripada *ki* ialah 気持ち/ *kimochi* dan 気分/*kibun* yang merujuk perasaan dan angin (*mood*) seseorang. 気を使う/*ki wo tsukau* pula bermaksud rasa canggung terhadap orang lain atau menjaga sensitiviti orang keliling. Isao (2004)

menghuraikan penggunaan *kokoro* dan *ki* yang mengelirukan, contohnya pada kata 気が重い \ki ga omoi yang bermaksud semangat yang berat dan 心が重い \kokoro ga omoi yang bermaksud hati yang berat. Hasada (2002) menyatakan lagi bahawa selain *kokoro* dan *ki*, organ tubuh lain, seperti *hara* (perut) dan *mune* (dada) turut dikaitkan dengan emosi. Contohnya, *hara ga tatsu* bermaksud rasa marah, *hara ga dekita* bermaksud mental telah bersedia, *mune ga utareru* bermaksud penuh perasaan, *mune ga ippai* bermaksud penuh kemahuan dan *mune ga itai* bermaksud rasa sedih.

Satu contoh kata yang menggunakan *kanji* yang sama, tetapi penggunaan berbeza ialah kata 恥 (*haji*) 恥づかしい (*hazukashii*). Kajian semantik mengenai *haji* dan *hazukashii* dilakukan secara mendalam oleh Farese (2017). Farese (2017) menjelaskan perbezaan antara kedua-dua kata emosi tersebut dari sudut budaya dan bahasa Jepun secara terperinci. Kata emosi *haji* digunakan apabila berlaku sesuatu yang dapat mencemarkan maruah dan nama baik seseorang, seterusnya menjejaskan imej masyarakat di tempat seseorang itu berada. Sebaliknya, *hazukashii* lebih bermaksud tidak mahu terlalu menonjolkan diri dan bersifat peribadi. Perbezaan maksud ini menunjukkan bahawa kata emosi Jepun merupakan satu daripada aspek budaya yang perlu dipertimbangkan secara berhati-hati ketika melakukan terjemahan.

Kata Emosi dalam Bahasa Melayu

Mulyadi (2003) memerihalkan emosi sebagai keadaan perasaan yang bergantung pada keadaan dan situasi. Pengkaji tersebut menegaskan bahawa perasaan diungkapkan melalui dua cara, iaitu lisan dan bukan lisan. Antara ungkapan secara lisan termasuklah penggunaan kata emosi, seperti “sedih”, “gembira”, “risau”, “marah”, “inginkan”, “takut”, “hati berdebar”, “gelisah”, “senang” dan “susah”. Goddard (2008:91) menyatakan bahawa emosi merujuk perasaan yang merupakan bentuk kata nama bagi kata kerja rasa dan emosi dipinjam daripada bahasa Inggeris. Kata “rasa” turut merujuk merasa makanan. Goddard (1997:163) turut mengemukakan contoh kata *surprised* dan *amazed* yang tidak mempunyai padanan yang tepat dalam bahasa Melayu. Walaupun bahasa Melayu mempunyai tiga kata yang melambangkan kejutan yang dapat merujuk situasi yang tidak menyenangkan atau sebaliknya, tiada satu pun yang sepadan dengan leksikal bahasa Inggeris yang merujuk kata emosi *surprise*. Oleh itu, Goddard menolak *surprise* daripada kata emosi asas yang bersifat sejagat. Penolakan itu berdasarkan alasan bahawa kata “hairan” menggambarkan rasa pelik, tertanya-tanya dan bungkam, manakala kata *surprise* pula

disebabkan oleh sesuatu yang kurang menyenangkan. Hal ini menjadi punca yang menyebabkan kata “hairan” mempunyai beberapa makna kata dan *surprise* satu daripadanya.

Asmah Haji Omar (1996) menegaskan bahawa emosi dan sikap orang Melayu itu dapat diteroka dan dihuraikan melalui kata “hati”. Kata “hati” digunakan untuk mengungkapkan perasaan penutur dalam bentuk simpulan bahasa atau bahasa kiasan. Menurut pengkaji itu, satu daripada sebabnya ialah kedudukan hati yang berada di tengah-tengah tubuh manusia dan dari sudut pandang orang Melayu, sesuatu yang berada di tengah-tengah itulah yang mengawal seluruh tubuh. Hal ini dipersetujui oleh Goddard (2001), iaitu “hati” dapat “bercakap” kepada orang yang mengalaminya, menyuarakan reaksi emosi atau menggesa beberapa tindakan. Imran Ho Abdullah dan Norsimah Mat Awal (2005) pula menyatakan bahawa “hati” merujuk makna semantik dan bukan hati secara fizikal. Hujahnya ialah pergerakan tangan orang Melayu apabila menyebut ungkapan “dari hati ke hati” adalah pada jantung, bukannya pada hati sebenar. Oleh itu, hati yang merujuk emosi diterjemahkan kepada *heart*, bukannya *liver* dalam bahasa Inggeris. Hati digunakan untuk melambangkan perasaan, sikap, kepercayaan, *mood* dan kecenderungan. Contohnya, “ambil hati”, “makan hati”, “susah hati”, “penyejuk hati”, “kecil hati” dan “berbesar hati”.

Terjemahan Kata Emosi

Seperti huraian kata emosi dalam kedua-dua bahasa tersebut, jelaslah bahawa terdapat perbezaan dalam medan semantik *hati*, *kokoro* dan *ki*. Masing-masing mempunyai ciri semantik yang tersendiri yang terangkum dalam budaya masing-masing dan memerlukan analisis yang lebih teliti jika ingin diterjemahkan. Walaupun kajian yang berkaitan dengan kata emosi terhad, terdapat beberapa kajian yang memfokuskan terjemahan kata emosi Jepun, seperti yang dilakukan oleh Kobayashi et al. (2003), yang mengkaji persamaan dan perbezaan konseptualisasi emosi antara dua budaya berbeza, iaitu antara penutur asli Jepun dengan penutur bahasa Inggeris Amerika. Kajian ini menunjukkan hasil yang signifikan yang menerima banyak hujahan daripada kedua-dua perspektif, iaitu emosi itu terangkum dalam budaya (Wierzbicka, 1992) dan perspektif bahawa emosi itu bersifat sejagat atau universal oleh Plutchik (2001), Ekman et al. (1982); (Ekman, 2013) dan Izard dan Buechler (1980).

Kobayashi et al. (2003) pula menghipotesiskan bahawa tugas pengkategorian kata emosi dapat mendedahkan bidang semantik emosi dalam kedua-dua budaya. Hasil kajian diklasifikasikan mengikut enam

kategori kata emosi, yaitu kesedihan, ketakutan, kemarahan, kejutan, kegembiraan dan cinta. Dengan berdasarkan kategori ini, kemarahan dan kesedihan mempunyai kata yang paling setara. Sebagai contoh, dalam kategori kemarahan, terdapat kata, seperti marah, cemburu dan jengkel. Dalam kategori kesedihan, kata, seperti kesunyian, kecewa, cemburu dan sedih, mempunyai terjemahan langsung. Satu lagi nilai penting yang ditunjukkan oleh penyelidik tersebut ialah kedua-duanya mempunyai gejala fobia sosial (gangguan keseimbangan sosial) yang mungkin menyebabkan hampir semua kata dalam kategori kesedihan adalah setara. Sebaliknya, perbezaan yang paling ketara ialah sebanyak 50% peserta tidak mengaitkan kata “malu” dengan mana-mana kategori.

Holoborodko (2013) turut mengkaji kaedah terjemahan kata emosi dalam bahasa Rusia dan bahasa Jepun. Pengkaji itu melakukan analisis bandingan antara tiga terjemahan Jepun dengan teks asal Rusia berdasarkan analisis semantik kata emosi oleh Johnson-Laird dan Oatley (1989) untuk mengkategorikan kata emosi. Kajian itu bersifat deskriptif dengan membandingkan dan membezakan emosi berdasarkan strategi terjemahan yang digunakan. Novel yang dipilih ialah *White Night* karya Dostoevsky, sebuah novel asing yang popular di Jepun dan terjemahannya telah dilakukan sebanyak tiga kali oleh tiga penterjemah berbeza. Kajian Holoborodko (2013) ini menggunakan strategi penterjemahan yang diutarakan oleh Newmark (1988) dan Baker (1997) dan dapatannya secara terperinci menjelaskan sebab strategi tersebut digunakan oleh penterjemah tersebut apabila kata tersebut tidak mempunyai makna yang setara dengan makna bahasa sumber.

Secara keseluruhannya, kajian terjemahan kata emosi bahasa Jepun masih sangat terhad dan perbandingan kata emosi antara bahasa Jepun dengan bahasa Melayu masih belum ditemukan. Penerokaan kata emosi dalam novel dapat meluaskan pemahaman terhadap apa-apa yang ingin disampaikan oleh penulis novel tersebut, terutamanya apabila novel tersebut sangat popular dan diterjemahkan dalam bahasa lain, seperti karya Murakami Haruki. Perbandingan kata emosi antara dua budaya ini dapat mencetuskan lebih banyak perbahasan dan perbincangan tentang ungkapan emosi dalam budaya Jepun dan budaya Melayu. Dalam masa yang sama, Kobayashi et al. (2003) dan Holoborodko (2013) mengakui kepentingan pengkategorian kata emosi dalam usaha untuk memahami ciri semantik kata emosi tersebut dengan lebih mendalam. Namun begitu, kedua-dua kajian tersebut tidak mengulas, sama ada terjemahan dilakukan demi menyesaikannya dengan pemahaman pembaca sasaran

atau terjemahan lebih mementingkan pengekaln maklumat dalam bahasa sumber. Maklumat tersebut adalah penting kerana apabila tujuan terjemahan jelas, maka strategi terjemahan yang digunakan dan cara luahan emosi itu berbeza antara budaya yang berbeza lebih mudah diulas. Dengan berdasarkan kelompangan tersebut, kajian ini dilakukan berdasarkan objektif yang berikut:

- 1) Mengenal pasti kata emosi paling signifikan dan kategori kata emosi tersebut dalam novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna*.
- 2) Menentukan kecenderungan terjemahan novel tersebut, sama ada menyesuainkannya dengan pemahaman pembaca sasaran atau terjemahan lebih mementingkan pengekaln maklumat dalam bahasa sumber.
- 3) Mengenal pasti kaedah penterjemahan kata emosi bahasa Jepun dalam bahasa Melayu, serta menghuraikan pengaruh tujuan terjemahan dan perbezaan budaya terhadap strategi terjemahan kata emosi tersebut.

METODOLOGI

Bahagian ini menjelaskan sebab novel tersebut dipilih sebagai bahan kajian, diikuti oleh penjelasan kategori kata emosi yang digunakan untuk mencerakinkan kata emosi dan medan semantik kata emosi daripada novel tersebut. Penjelasan ini ialah kaedah untuk menjawab persoalan kajian pertama. Bagi analisis pengkategorian kata emosi, pengkaji mengira kekerapan kata emosi dan kekerapan kategorinya yang paling kerap muncul. Hal ini untuk mengenal pasti kata emosi yang paling signifikan dan kategori kata emosi paling signifikan yang cuba disampaikan oleh Murakami. Seterusnya, pengkaji mengenal pasti strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk terjemahan kata emosi tersebut dalam bahasa Melayu. Analisis strategi terjemahan adalah untuk menjawab persoalan kajian kedua dan ketiga.

Karya Murakami Haruki

Karya Murakami dipilih kerana kecenderungan penulis ini untuk mengangkat tema emosi yang menggambarkan hubungan antara minda bawah sadar dengan minda sadar dalam ceritanya. Hal ini dipersetujui oleh Kokusai Kouryuu Kikin (2008) yang menyatakan bahawa Murakami tidak seperti penulis Jepun yang lain kerana karyanya pada mulanya tidak dilihat sebagai “Jepun” di luar negara. Pembaca lebih tertarik pada ceritanya kerana saling perkaitan yang mendalam dengan emosi, seperti kekecewaan, kerinduan, kesunyian dan kekosongan. Kemudian,

barulah pembaca novel dan penggemar Murakami menyedari bahawa pengarangnya berbangsa Jepun dan buku tersebut ialah karya terjemahan. Oleh itu, novel ini memberikan peluang kepada pengkaji untuk meneroka ungkapan emosi dalam dua budaya berbeza, iaitu budaya Jepun dan budaya Melayu. Murakami Haruki dilaporkan mula menulis novelnya dalam bahasa Inggeris, kemudian menterjemahkannya dalam bahasa Jepun (Stretcher, 2011). Gaya *mukokuseki* (tanpa kewarganegaraan atau tanpa sempadan) ini dianggap sebagai sebab utama karya beliau mudah diterjemahkan dalam bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian terjemahan bahasa Inggeris telah banyak dilakukan.

Novel karya Murakami Haruki, *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna* ini ialah novel terjemahan pertama Murakami yang diterbitkan dalam bahasa Melayu. Novel ini berkisarkan seorang lelaki bernama Tsukuru Tazaki yang berusia 36 tahun dan merupakan seorang jurutera yang membina stesen kereta api. Cerita ini berkisarkan kehidupannya ketika berada pada zaman sekolah menengah dan zaman universiti, serta masa kini ketika bekerja sebagai jurutera. Imbas kembali bermula ketika Tsukuru berada pada zaman sekolah menengah apabila dia menceritakan kisahnya kepada Sarah. Pada zaman sekolah menengah, dia mempunyai sekumpulan sahabat rapat yang sangat rapat antara satu dengan lain. Terdapat lima orang dalam kumpulan tersebut, termasuklah Tsukuru. Walaupun kelima-limanya mempunyai ikatan yang kukuh, Tsukuru berasa tersisih kerana semua ahli kumpulan kecuali dirinya, mempunyai persamaan yang ganjil, seolah-olah ditakdirkan bersama. Persamaan tersebut ialah empat daripada ahli kumpulan itu mempunyai nama yang berasal daripada warna, iaitu *Aka* (merah), *Ao* (biru), *Kuro* (hitam) dan *Shiro* (putih). Tsukuru paling ganjil. Namanya bermaksud “membina”. Dalam hatinya, Tsukuru mengetahui bahawa warna itu tidak memberikan makna mendalam, tetapi dirinya tidak dapat mengelak daripada berasa kecewa. Dalam novel ini, nama ahli kumpulan itu juga mencerminkan watak masing-masing. Kumpulan itu diibaratkan seperti bulatan yang saling bersambung antara satu dengan lain. Namun begitu, selepas memasuki universiti di Tokyo, Tsukuru ditolak dengan kejamnya oleh kumpulannya tanpa diberi penjelasan atau mengetahui puncanya. Kesunyian dan keterasingan yang dirasakannya mendorongnya berfikir untuk mengakhiri hidupnya.

Kajian ini menganalisis kata emosi yang terdapat dalam novel, kemudian membandingkan strategi terjemahan yang digunakan. Dalam kajian ini, hanya tiga bab pertama novel yang dianalisis kerana tiga bab pertama merangkumi semua fasa dalam novel, dari kehidupan sekolah

menengah hingga situasi semasa, iaitu selepas hampir 15 tahun memasuki alam pekerjaan. Kata emosi yang dikesan dalam novel asal bahasa Jepun dikumpulkan, kemudian disusun menjadi dua pasangan teks sumber, iaitu bahasa Jepun dan bahasa Melayu, untuk membandingkan dan meneroka strategi yang digunakan berdasarkan kata yang muncul dan yang paling bermakna berdasarkan dapatan daripada ketiga-tiga bahasa tersebut.

Objektif pertama kajian ini adalah untuk meneroka kata emosi dalam teks sumber. Langkah pertama ialah pencerakinan kata emosi bahasa Jepun, kemudian pengkategorianya mengikut kategori yang dirangka oleh Johnson-Laird dan Oatley (1989) yang diterangkan dalam Jadual 1. Kategori ini turut digunakan oleh Holoborodko (2013) dan Hanczakowski (2018). Kategori ini digunakan untuk mengenal pasti kata emosi, sekaligus mengetahui medan semantikanya.

Pengkategorian Kata Emosi

Jadual 1 Kategori kata emosi (Johnson-Laird & Oatley, 1989).

Bil.	Kategori	Definisi
1.	Emosi generik	Kata yang merujuk emosi secara umum, seperti “emosi” dan “semangat”, yang dapat diklasifikasikan sebagai istilah generik.
2.	Emosi asas	Kata yang menjelaskan perasaan yang dialami tanpa mengetahui punca atau objeknya. Terdapat lima emosi asas, iaitu kegembiraan, kesedihan, ketakutan, kemarahan dan rasa meluat.
3.	Emosi hubungan	Kata yang menggambarkan perasaan dengan sebab atau objek yang diketahui.
4.	Emosi bersebab	Kata yang menunjukkan emosi yang mempunyai sebab atau alasan yang diketahui. Ujian “tetapi” dapat digunakan untuk mengenal pasti kata ini.
5.	Emosi kausal	Kata yang menggambarkan emosi yang disebabkan oleh sesuatu yang muncul dalam bentuk pasif.
6.	Emosi bermatlamat	Kata emosi yang berkaitan dengan matlamat atau aspirasi.
7.	Emosi kompleks	Kata yang menggabungkan beberapa emosi dengan penilaian proposisi mengenai aspek diri sendiri.

1. Emosi Generik

Kata yang menunjukkan emosi secara umum, seperti “emosi”, “perasaan” atau “rasa”, dapat diklasifikasikan sebagai istilah generik.

2. Emosi Asas

Apabila menerangkan perasaan yang dialami tanpa mengetahui sebab atau objeknya, kata ini dapat dikategorikan sebagai emosi asas. Terdapat lima kategori emosi asas, iaitu kegembiraan, kesedihan, ketakutan, kemarahan, dan rasa meluat. Untuk menentukan kata yang berkaitan secara semantik dengan emosi asas ini, ujian “tetapi” (Bendix, 1969; Miller & Johnson-Laird, 1976) dapat digunakan.. Dalam ujian ini, jika dua kata tiada kesamaan, kedua-dua kata itu dapat digabungkan dengan mudahnya menggunakan kata hubung “tetapi”. Contohnya, “dia penat, tetapi dia gembira” atau “dia penat, tetapi dia tidak gembira”.

Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa kata “penat” dan “gembira” tidak mempunyai komponen semantik yang sama. Menerusi penggunaan ujian “tetapi”, pengubahsuaian kata emosi dapat dijelaskan dengan dua cara, iaitu tahap intensiti dan jangka masa emosi. Dengan berdasarkan contoh yang diberikan oleh Miller dan Johnson-Laird (1976) mengenai tahap intensiti, kata “*elation*” yang secara semantiknya bermaksud kegembiraan mempunyai tahap intensiti yang berbeza-beza. Kata ini dibuktikan sebagai sebahagian daripada kata emosi asas yang mengalami pengubahsuaian. Cara pengubahsuaian emosi kedua ialah jangka masa emosi, iaitu seseorang individu mungkin sedang mengalami suatu *mood* atau keadaan emosi yang berterusan dan menjadi ciri personalitinya. Jenis personaliti emosi ini dapat dirujuk sebagai istilah emosi asas yang sering tidak mempunyai punca kognitif yang dikenali. Sebagai contoh, seseorang itu dapat digambarkan sebagai cepat marah jika sedang bersedih, berada dalam emosi sedih atau mempunyai kecenderungan umum untuk bersedih.

Holoborodko (2013) membentangkan penggunaan istilah emosi asas dalam bahasa Jepun, seperti 喜び (*yorokobi* – kegembiraan), 悲しみ (*kanashimi* – kesedihan), 恐れ (*osore* – ketakutan), 嫌悪 (*ken’o* – rasa meluat), 怒り (*okori* – kemarahan) yang berdasarkan Miller dan Johnson-Laird (1976). Istilah emosi asas emosi ini bersesuaian dengan kata emosi asas dalam bahasa Inggeris, iaitu *happiness*, *sadness*, *fear*, *disgust* dan *anger* bersesuaian dengan kata emosi dalam bahasa Melayu, iaitu kegembiraan, kesedihan, ketakutan, meluat dan kemarahan.

3. Emosi Hubungan

Bagi analisis kata emosi, proses ini memerlukan gabungan antara mod emosi asas dengan penilaian kognitif. Dengan erti kata lain, penilaian kognitif merujuk hubungan antara yang mengalami emosi dengan objeknya. Sebagai contoh, jika “Radi suka Ida,” Radi ialah pihak yang mengalami emosi, manakala Ida ialah objek atau sumber pengalaman tersebut. Oleh itu, kata “suka” dikategorikan sebagai hubungan emosi. Hubungan ini dapat dialami tanpa sebab yang jelas. Contoh kata tersebut ialah “好き” (*suki* – suka), “like” (suka), “嫌い” (*kirai* – benci), “hate” (benci), “benci”.

4. Emosi Bersebab (hiba, cemas)

Kata yang merujuk emosi asas tidak semestinya memerlukan komponen kognitif untuk menjadikan ayat itu tidak canggung. Sebagai contoh, “saya gembira, tetapi saya tidak tahu kenapa” atau “saya gembira dan saya tahu sebabnya.” Sesuatu yang janggal untuk menyatakan, “saya seronok, tetapi saya tidak tahu kenapa.” Hal ini dikatakan demikian kerana kata “seronok” memerlukan sebab untuk menjelaskan punca seseorang itu berasa seronok kerana sifat semula jadi kata ini yang memerlukan satu peristiwa untuk mencetuskan emosi tersebut. Oleh itu, seseorang tidak boleh menyatakan secara masuk akal, “saya rasa seronok, tetapi saya tidak tahu kenapa.” Antara kata yang menunjukkan emosi bersebab termasuklah sedih, panik, 不幸 (*fukou* – nasib malang), 慌てる (*awateru* – cemas), hiba dan cemas.

Jadual 2 Analisis semantik kata emosi bersebab. (Sumber: Johnson-laird dan Keith Oatley (1989)).

Bil.	Mod Asas				
	Kebahagiaan	Kesedihan	Ketakutan	Kemarahan	Jijik
1.	Ceria	Kesedihan	Kebingungan	Tidak puas (hati)	Jijik
2.	Kesenangan	Hancur	Kebimbangan	Tersinggung	Sakit (hati)
3.	Senang hati	Tertekan	Takut	Marah	
4.	Rasa terhibur		Panik	Berang	

5. Emosi Kausal

Emosi Kausal digunakan untuk menamakan penyebab emosi, objek dan elemen yang membawa kepada atau menyebabkan emosi tersebut. Dalam bahasa Jepun, emosi kausal dapat dikesan dengan mudahnya menggunakan bentuk kausatif kata kerja yang boleh terdapat dalam bentuk infleksi dan bukan infleksi. Bentuk infleksi terbentuk dengan cara menukar akhiran う (*u*) kepada あせる (*aseru*) untuk kata kerja kumpulan 1, dan menukar る (*ru*) kepada させる (*saseru*) untuk kata kerja kumpulan 2. Bentuk bukan infleksi merujuk bentuk dalam kamus, contohnya 驚く (*odoroku* – terkejut) menjadi bentuk kausatif 驚かす (*odorokasu* – menakutkan, mengejutkan). Contoh kedua: 彼の行動にびっくりさせられました (*kare no koudou ni bikkuri saseraremashita*) – “Saya terkejut dengan tindakannya,” yang merujuk tindakannya yang menyebabkan subjek berasa terkejut. Kata kerja ini wujud untuk menggambarkan emosi. Penggunaannya dalam bentuk pasif memberikan cara lain untuk merujuk emosi kausal. Dalam bahasa Jepun, bentuk kausatif pasif, seperti させられる (*saserareru*), merujuk bentuk kata kerja pasif.

Dalam bahasa Inggeris, kata kerja kausatif yang dinyatakan oleh Johnson-Laird dan Oatley menunjukkan penyebab bagi setiap lima mod emosi utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Analisis semantik kata emosi kausatif. (Sumber: Johnson-laird dan Keith Oatley (1989)).

Bil.	Mod Asas				
	Kegembiraan	Kesedihan	Ketakutan	Kemarahan	Jijik
1.	Puas	Kecewa	Risau	Jengkel	Menolak
2.	Gembira	Sedih	Takut	Gemas	Menjijikkan
3.	Terpesona	Kecewa	Mengerikan	Marah	Meluat

6. Emosi Bermatlamat (impian, harapan)

Kata emosi yang berkaitan dengan matlamat merujuk kata yang menunjukkan matlamat emosi, iaitu sejenis emosi yang disebabkan oleh sesuatu dan berbeza daripada emosi yang lain. Contoh, 幸せ (*shiawase* – bahagia), gembira, puas hati, tenang.

7. Emosi Kompleks (keterasingan)

Kata emosi kompleks ini dapat dikenal pasti dengan bertanya, sama ada emosi itu berpunca daripada penilaian terhadap diri sendiri berdasarkan situasi atau tidak. Contohnya, kesunyian menggambarkan perasaan sedih yang berhubung dengan orang lain dan sebaliknya. Emosi kompleks ini bergantung pada tanggapan seseorang tentang dirinya. Menurut Johnson Laird dan Oatley, emosi kompleks bergantung pada emosi asas. Sebagai contoh, kesunyian bergantung pada kesedihan, namun terdapat ketidakseimbangan. Istilah yang merujuk emosi kompleks secara eksplisit hanya terhad padanya dan tidak boleh ditafsirkan sebagai merujuk emosi asas yang mendasarinya sahaja.

Terdapat alat linguistik yang dapat digunakan untuk mengenal pasti emosi kompleks. Sebagai contoh, apabila diberikan emosi kompleks yang bergantung pada mod emosi asas, emosi kompleks akan mengikuti kata emosi yang merujuk emosi asas. Hal ini bermakna, jika anda berasa emosi kompleks C, maka anda berasa emosi asas B. Contohnya, jika anda berasa menyesal, maka anda berasa sedih.

Walau bagaimanapun, sebaliknya tidak semestinya benar. Contohnya, jika anda berasa sedih, maka anda berasa menyesal (Johnson-laird & Keith Oatley, 1989). Secara umumnya, kenyataan ini boleh menjadi palsu, walaupun mungkin benar dalam sesetengah situasi. Kata yang menggambarkan emosi kompleks ini dialami sebagai hasil daripada penilaian diri pada tahap yang tinggi. Kata tersebut boleh merujuk keadaan seseorang, tindakan masa lalu, keadaan semasa atau matlamat. Contohnya, kesal, penyesalan dan bangga merujuk tindakan masa lalu seseorang, kebosanan dan bangga merujuk keadaan semasa seseorang, harapan dan putus asa terhasil daripada penilaian terhadap pencapaian matlamat atau masa hadapan seseorang.

Satu lagi aspek emosi kompleks ialah emosi yang merujuk hubungan seseorang dengan individu lain yang mengakibatkan wujud perasaan tertentu dalam dirinya. Contohnya, perasaan “kebersamaan” ialah berasa bahawa seseorang itu berada di tempat yang betul dalam suatu kumpulan, manakala perasaan “keterasingan” ialah berasa sedih kerana seseorang berasa tidak berada di tempat yang betul dalam sesuatu kumpulan. Aspek terakhir emosi kompleks ialah pengaruh budaya yang bergantung pada konteks. Kandungan ini dapat berbeza mengikut budaya dan dapat merangkumi perasaan estetik, agama dan lain-lain. Antara contoh kata Jepun yang tiada terjemahan langsung termasuklah “*わび*” (*wabi*) yang menggabungkan tiga makna, iaitu kesunyian, ketenangan dan

kesederhanaan, serta 恥 (*haji*) yang merujuk perasaan malu yang wujud akibat kehilangan maruah diri kerana rasa terhina atau disebabkan oleh penolakan oleh masyarakat kerana tindakan seseorang.

Kekerapan Kemunculan Kata Emosi dalam Novel

Pengiraan kekerapan adalah untuk mengenal pasti kata emosi dan kategori kata emosi paling menonjol dalam novel tersebut. Kekerapan ini dapat memberikan maklumat tentang inti pati emosi paling utama dan tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarang novel tersebut.

Strategi Terjemahan


Objektif ketiga adalah untuk menganalisis strategi yang digunakan dalam terjemahan kata emosi tersebut dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kerangka analisis yang akan digunakan untuk analisis dalam kajian ini adalah berdasarkan Pederson (2005). Dengan berdasarkan penekanan bahasa sumber (SL) dan bahasa sasaran (TL) yang diperkenalkan oleh Newmark, Pederson (2005) memperkenalkan strategi terjemahan yang lebih praktikal dan menjimatkan di bawah kategori TL dan SL. Sarjana tersebut mencipta strategi terjemahan berdasarkan kajian lepas tentang norma yang mendasari sari kata. Strategi ini mudah digunakan untuk bentuk terjemahan lain. Berbanding Newmark (1988) dan Baker (1992), strategi terjemahan Pederson mengkategorikan strategi berorientasikan SL dan TL. Oleh itu, taksonomi strategi terjemahan Pederson (2015) paling sesuai dan praktikal digunakan kerana sarjana ini membahagikan strategi tersebut berdasarkan dua orientasi, iaitu berorientasikan bahasa sumber (SL) dan berorientasikan bahasa sasaran (TL). Hal ini dapat mengatasi kelompangan, iaitu kupasan kajian terjemahan kata emosi sebelum ini yang kurang membincangkan kecenderungan penterjemahan, sama ada kepada berorientasikan SL atau TL.

Berorientasikan Bahasa Sumber

Strategi berorientasikan bahasa sumber terdiri daripada dua subkategori, iaitu spesifikasi dan terjemahan langsung.

a. Spesifikasi

Spesifikasi bermaksud mengekalkan istilah khusus budaya dalam bentuk yang tidak diterjemahkan dan menambah maklumat yang tidak disampaikan



Rajah 1 Strategi terjemahan Pederson (2005).

dalam teks asal dengan cara menentukan istilah khusus budaya sasaran berbanding dengan istilah khusus budaya sumber yang boleh berbentuk penjelasan atau penambahan seperti yang dijelaskan di bawah.

i. Penjelasan

Penjelasan ialah strategi yang melibatkan pengembangan teks atau penjelasan perkara yang tidak penting dalam teks asal. Contohnya:

Teks asal: Kedua-dua gadis suka buku

Pengembangan: Minat kedua-dua gadis membaca buku

ii. Penambahan

Penambahan bermaksud maklumat yang ditambah terdapat dalam istilah budaya sumber sebagai sebahagian daripada maksud atau konotasi istilah tersebut. Dengan menggunakan strategi ini, penterjemah campur tangan untuk memberikan panduan kepada khalayak sasaran. Contohnya:

Teks asal: Saya akan membuat “doa” untuk anda.

Penambahan: Saya akan membuat “doa” (*prayers*) untuk anda.

b. Terjemahan Langsung

Strategi ini sama dengan terjemahan literal dan sukar digunakan untuk nama khas, tetapi tidak jarang-jarang digunakan untuk menterjemahkan nama syarikat, institusi rasmi, peralatan teknikal dan lain-lain. Strategi ini mempunyai dua subkategori. Pertama, *calque*, iaitu hasil terjemahan yang mungkin asing dan bagi khalayak, janggal. Kedua, terjemahan langsung yang berubah yang merujuk istilah yang biasa dalam budaya sasaran supaya khalayak terbiasa dengannya.

Berorientasikan Bahasa Sasaran

Strategi berorientasikan bahasa sasaran terdiri daripada tiga subkategori, iaitu generalisasi, penggantian dan penghapusan.

a. Generalisasi

Strategi ini menggantikan istilah khusus budaya yang merujuk sesuatu yang spesifik dengan sesuatu yang lebih umum. Hal ini mungkin melibatkan hiponim atau tidak. Contohnya:

Teks asal: Ular itu akan mati jika tidak dilepaskan.

Hiponim: Haiwan itu akan mati jika tidak dilepaskan.

Kata umum: Benda itu akan mati jika tidak dilepaskan.

b. Penggantian

Strategi ini melibatkan penghapusan istilah khusus budaya daripada bahasa sumber dan menggantikannya dengan sesuatu yang lain, sama ada istilah yang berbeza atau beberapa bentuk parafrasa yang tidak semestinya melibatkan istilah budaya. Strategi ini terdiri daripada dua subkategori, iaitu penggantian budaya dan parafrasa.

i. Penggantian Budaya

Strategi ini bermaksud bahawa item khusus budaya dalam bahasa sumber dihapuskan dan digantikan dengan istilah budaya yang berbeza. Contohnya:

Teks asal: Saya berasa sangat gembira pada hari ini.

Istilah budaya berbeza: Saya berasa sangat bahagia pada hari ini.

ii. Parafrasa (Pengungkapan Semula)

Strategi ini melibatkan penyusunan semula item khusus budaya dalam bahasa sumber, sama ada melalui pengurangan makna atau penghapusan sepenuhnya jejak istilah budaya dan menggantikannya dengan parafrasa yang sesuai dengan konteks. Contohnya:

Teks asal: Saya tidak mempunyai ketidakpuasan terhadap kemudahan yang disediakan.

Parafrasa: Saya menikmati penginapan saya; kakitangan sangat mesra dan membantu.

iii. Penghapusan

Penghapusan ialah strategi terjemahan yang sah, iaitu kata itu diabaikan daripada teks. Strategi ini disokong oleh Toury (1995). Contohnya:

Teks asal: Mereka memulakan kempen pengumpulan dana dengan penuh semangat untuk membeli yang baharu.

Teks yang dihapuskan: Mereka memulakan kempen pengumpulan dana untuk membeli yang baharu.

Bagi objektif ketiga atau persoalan kajian ketiga, dapatan objektif 1 dan objektif 2 dibandingkan dan alasan pemilihan strategi terjemahan tersebut dihuraikan, serta pengaruh budaya sasaran dalam penentuan kaedah terjemahan kata emosi tersebut dikenal pasti.

DAPATAN KAJIAN

Dengan berdasarkan analisis terhadap kata emosi dalam novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna* dalam bahasa Jepun, sebanyak 96 leksikon emosi atau kata emosi Jepun dikesan dengan kekerapan sebanyak 166. Walau bagaimanapun, terdapat lima kata yang dapat dikategorikan dalam dua kategori, iaitu 驚く (*odoroku*), 落ち着く (*ochitsuku*), 楽しむ (*tanoshimu*), 怒り (*okori*), 必要 (*hitsuyou*), yang muncul dua kali; satu berdasarkan makna dan satu lagi dalam kategori emosi bersebab. Kategori emosi kompleks paling banyak ditemukan dengan 26 leksikon dan kekerapan

sebanyak 40 kali. Senarai kata emosi kompleks yang muncul ialah 嫉妬 (cemburu), 残念 (kesal), 一体感 (rasa kebersamaan), 孤独 (keterasingan, kesunyian), 疎外 (keterasingan), がっかり (kesal), 妬ましい (cemburu), 親密 (rapat) dan 戸惑い (bingung). Kategori emosi generik dan emosi bersebab pula paling sedikit digunakan, iaitu 14 kata dan 18 kata, masing-masing.

Jadual 4 Analisis kekerapan kategori kata emosi Jepun.

Bil.	Kategori Emosi	Kata Emosi	Kekerapan
1.	Emosi Generik	2	14
2.	Emosi Asas	14	26
3.	Emosi Hubungan	10	20
4.	Emosi Bersebab	14	18
5.	Emosi Kausal	15	26
6.	Emosi Matlamat	15	22
7.	Emosi Kompleks	26	40
Jumlah Keseluruhan		96	166

Seterusnya, sebanyak tujuh kategori kata emosi ditemukan berdasarkan Teori Semantik Emosi oleh Johnson-Laird dan Oatley (1989). Kata emosi tersebut dijelaskan dan dikelaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Kata emosi diuji berdasarkan kaedah analisis dalam tujuh kategori tersebut untuk membuat pengelasan yang sesuai dengan bentuk dan makna kata emosi yang ditemukan dalam novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna* dalam bahasa Jepun. Pengelasan kata emosi dalam bahasa Jepun oleh Holoborodko (2013) yang juga menggunakan analisis Johnson-Laird dan Oatley (1989) turut dirujuk bagi memastikan ketepatan pengelasan dan mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan dalam pembahagian kategori.

Jadual 5 Analisis kategori kata emosi dalam novel *Tsukuru Tazaki Tanpa Warna*.

Bil.	Kategori	Senarai Kata Emosi
1.	Emosi generik	気持ち (perasaan), 感情 (emosi),
2.	Emosi asas	恐れ (ketakutan), 嫌悪 (meluat), 怒り (kemarahan), 驚く (odoroku), 驚く (odoroku), 落ち着く (ochitsuku), 楽しむ (tanoshimu), 怒り (okori), 必要 (hitsuyou)
3.	Emosi hubungan	好き (suka), 嫌い (benci)
4.	Emosi bersebab	落ち着く (ochitsuku),
5.	Emosi kausal	残念 (kekecewaan)
6.	Emosi bermatlamat	希望 (impian)
7.	Emosi kompleks	疎外 (keterasingan), 嫉妬 (cemburu), 残念 (kesal), 一体感 (rasa kebersamaan), 孤独 (keterasingan, kesunyian), 疎外 (keterasingan), がっかり (kesal), 妬ましい (cemburu), 親密 (rapat), 戸惑い (bingung).

Contoh ayat yang mengandungi kata emosi generik, emosi asas, emosi hubungan, emosi bersebab, emosi kausal dan emosi bermatlamat dipaparkan dalam ayat (1)–ayat (6)

- 1(a). 気持ち (*kimochi*) perasaan
 それではあなたの気持ちだって収まらないだろうし
 Pasti hati awak tak tenteram

Kata Emosi *kimochi* digolongkan sebagai kata emosi generik kerana ia merujuk perasaan atau emosi. Namun begitu, apabila diterjemahkan, kata itu menjadi “hati”. Strategi terjemahan yang digunakan ialah penggantian budaya. Hal ini menggambarkan bahawa “hati” juga dapat melambangkan perasaan dalam bahasa Melayu.

1(b) 感情 (*kanjyou*) perasaan

誰かが持ち合わせているときに、あるいはいとも簡単に手に入れている—ように見える—ときに感じる感情

Ia adalah suatu perasaan yang timbul apabila orang lain memiliki atau memperoleh bakat, kualiti atau kedudukan yang tidak mampu dicapai oleh diri sendiri dengan mudah (paling pun ia tidak kelihatan mudah)

Bagi contoh kedua pula, kata itu digolongkan sebagai kata emosi generik dan terjemahan yang digunakan ialah terjemahan langsung. Terjemahan “hati” tidak sesuai untuk ayat dalam bahasa Melayu tersebut. Perbezaan yang ketara ialah kata “hati” tidak sesuai digunakan bersama-sama kata kerja, tetapi dapat digunakan dengan kata sifat, seperti “tidak tenteram”.

2. 楽しく (*tanoshii*) seronok

彼女と話すのは楽しく刺激的だった

Kombinasi humor dan sifat terus-terang itu membuatkan orang seronok bercakap dengannya

Kata emosi asas, iaitu “seronok” adalah antara emosi asas yang dikatakan bersifat sejagat. Oleh itu, kata emosi itu dapat diterjemahkan secara langsung, iaitu “seronok”.

3. 好かれた (*sukareta*) disukai

地道な勉強にはあまり向かないが、性格が明るく、多くの人に好かれた

Dia sukar melakukan pekerjaan yang memerlukan kesabaran, contohnya mengulang kaji pelajaran, tetapi dia seorang yang ceria dan disukai ramai

Untuk menganalisis kata emosi hubungan, proses ini memerlukan gabungan antara mod emosi asas dengan penilaian kognitif. Dengan erti kata lain, penilaian kognitif merujuk hubungan antara yang mengalami emosi dengan objeknya, iaitu “orang ramai” yang merasa emosi disebabkan oleh sikap tertentu “dia”.

4. 落ち着く (*ochitsuku*) tenang, lega, selesa

どちらかといえば口が重く、よく顔が赤くなり、社交が苦手で、初対面の人と一緒にいると落ちつかなかった。

Personalitinya juga agak pendiam, tidak pandai bergaul dan wajahnya mudah menjadi merah padam apabila malu. Kebiasaannya, Tsukuru menjadi sukar untuk berasa selesa dengan orang yang baru ditemukannya.

Kata emosi *ochitsuku* dikategorikan sebagai bersebab kerana perasaan ini berlaku apabila bertemu dengan orang yang baru ditemui atau dikenali. Alasannya dinyatakan dengan jelas, iaitu bertemu dengan orang yang tidak dikenali. Strategi terjemahan yang digunakan pula ialah terjemahan langsung. Walaupun dalam bahasa Melayu, kata “selesa” lebih merujuk keadaan fizikal, bukannya mental seseorang, tetapi apabila menyebut bertemu, kata itu merujuk pertemuan fizikal. Oleh itu, kata “selesa” dilihat sesuai untuk menggambarkan perasaan pada ketika itu.

5. 残念(zannen) kecewa

ああ。みんな残念に思っている

“Ya, semua orang rasa kesal dengan apa yang berlaku.”

Kata emosi *zannen* digolongkan sebagai kata emosi kausal kerana puncanya muncul secara pasif atau tidak langsung. Konteksnya merujuk keadaan. Keadaan itu tetap berlaku secara pasif, tetapi menyebabkan perasaan tertentu dirasai oleh seseorang. Dalam ayat ini, terjemahannya ialah penggantian budaya. Kata emosi “kesal” didapati lebih sesuai digunakan daripada kata emosi “kecewa”.

6. 希望 (*kibou*) kemahuan/pilihan

キャンプの作業の合間に、彼らは暇をみつけて率直に語り合い、お互いの考えや人となりを理解し合った。希望を語り、抱えている問題を打ち明けた。

Sewaktu bekerja di kem, setiap kali berkelapangan, mereka menghabiskan masa mengenali hati budi masing-masing. Mereka bertukar-tukar cerita tentang diri masing-masing secara telus dan benar-benar memahami pemikiran dan personaliti masing-masing. Sering kali mereka bercerita tentang harapan masa hadapan dan turut berkongsi masalah kehidupan.

Kata emosi *kibou* yang secara harfiahnya bermaksud kemahuan atau pilihan telah diterjemahkan sebagai “harapan masa hadapan”, iaitu menggunakan strategi penggantian budaya. Kata emosi ini digolongkan sebagai kata emosi matlamat kerana mempunyai ciri sasaran pada masa hadapan, iaitu perkara yang diharapkan pada masa hadapan.

Seterusnya, kata emosi kompleks diulas dengan lebih terperinci kerana merupakan kata emosi yang paling signifikan yang disampaikan melalui novel tersebut. Kekerapan paling tinggi ialah kata emosi kompleks, seperti 嫉妬 (cemburu), 残念 (kesal), 一体感 (rasa kebersamaan) dan 孤独 (keterasingan, kesunyian). Kata emosi kompleks ditakrifkan sebagai emosi yang terhasil daripada penilaian terhadap diri sendiri berdasarkan situasi. Penemuan ini selari dengan jalan cerita novel yang menonjolkan ketabahan watak utama selepas terjerumus dalam kemurungan akibat disisihkan daripada kumpulan rakan karibnya. Buku ini memperlihatkan kejayaan emosi watak utama yang berjaya meneruskan kehidupan walaupun berhadapan dengan gangguan emosi yang hampir mendorongnya untuk membunuh diri. Kata emosi kompleks dan strategi terjemahannya ini dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Kata emosi kompleks dan strategi terjemahannya.

Kata Emosi Kompleks	Terjemahan dalam Bahasa Melayu	Strategi Terjemahan
疎外と孤独は何百キロという長さのケーブルとなり、巨大なウィンチがそれをきりきりと絞り上げた。	Keterasingannya itu bagaikan sebuah kabel yang ratusan meter panjangnya yang memintal hati dari kejauhan.	Terjemahan langsung
疎外と孤独は何百キロという長さのケーブルとなり、巨大なウィンチがそれをきりきりと絞り上げた。	Keterasingannya itu bagaikan sebuah kabel yang ratusan meter panjangnya yang memintal hati dari kejauhan.	Penghapusan
ㄣとクロがあきれたように言った	Kata Kuro dengan hairan sambil memandang Shiro pelik	Parafrasa
彼は他の四人のことが心から好きだったし、そこにある一体感を何より愛した	Dia benar-benar sayangkan empat sahabatnya dan amat menghargai keutuhan persahabatan yang wujud di antara mereka	Penggantian budaya

sambungan **Jadual 6** Kata emosi kompleks dan strategi terjemahannya.

Kata Emosi Kompleks	Terjemahan dalam Bahasa Melayu	Strategi Terjemahan
孤独だとは思ったよ。でもとくに淋しくはなかったな。というか、そのときの僕にはむしろそういうのが当たり前の状態に思えたんだ ^ㄣ	“Mungkin ada rasa terpencil, tetapi tidak sunyi sangat. Mungkin juga saya menganggap semua itu perkara biasa pada waktu itu.”	Generalisasi
彼自身、鏡で自分の顔を眺めていて、そこに救いがたい退屈さを感じるこ とがしばしばあった	Setiap kali dia melihat wajahnya di dalam cermin, suatu perasaan bosan yang tidak dapat diubati timbul di dalam hati	Terjemahan langsung

Dalam analisis strategi yang digunakan untuk menterjemahkan kata emosi dalam bahasa Melayu, pendekatan terjemahan langsung digunakan sebanyak 20 peratus dalam terjemahan bahasa Melayu, menjadikannya strategi yang paling kerap digunakan dan menonjolkan kecenderungan penterjemah untuk mengekalkan sifat atau ciri bahasa sumber. Penggunaan terjemahan langsung mendominasi terjemahan bagi kata emosi asas, seperti “kemarahan” “kegembiraan” dan “keseronokan”. Hal ini juga menunjukkan bahawa kata emosi kompleks, seperti “keterasingan” “kesunyian” dan “cemburu”, turut diterima sebagai setara dalam budaya yang berbeza, selari dengan Teori Johnson-Laird dan Oatley (1989) dan dapatan kajian Izard dan Buechler (1980).

Bagi cara kata emosi dalam bahasa Jepun diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, terjemahan langsung digunakan untuk kata emosi asas, manakala beberapa perbezaan berlaku, seperti pengguguran kata emosi 疎外 (*sougai*) atau “keterasingan”. Walau bagaimanapun, Pusat Rujukan Bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017) mencadangkan “pengasingan” sebagai terjemahan yang mungkin atau paling hampir, yang berasal daripada kata “asing” yang bermaksud “luar” atau “asing”. Dalam bahasa Melayu, kata ini tidak sepenuhnya mengungkapkan makna 疎外 (*sougai*) dalam bahasa Jepun atau bahasa Inggerisnya, “*alienation*”. Oleh itu, strategi penggantian budaya digunakan kerana istilah “pengasingan” yang dicadangkan tidak dapat diterjemahkannya secara langsung. Ketidakselarasan ini berpunca daripada perbezaan budaya, iaitu konsep keterasingan tidak begitu kuat

dalam budaya Malaysia yang lebih mengutamakan saling kebergantungan dalam komuniti bermasyarakat. Antara contoh yang dapat dilihat termasuklah penggunaan peribahasa, seperti “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” yang menggambarkan nilai komunal masyarakat Melayu yang lebih memfokuskan hidup bermuafakat.

Sungguhpun strategi terjemahan menunjukkan kecenderungan penterjemah untuk mengekalkan sifat bahasa sumber (SL), berlaku juga penggunaan strategi yang cenderung untuk menggunakan bahasa sasaran, iaitu strategi penggantian budaya, yang menunjukkan bahawa penterjemah cuba menyesuaikan karya dengan pembaca, iaitu bahasa sasaran (TL), atau mungkin kerana terjemahan literal atau langsung menyebabkan terjemahan kelihatan sangat canggung. Antara kata emosi yang menggunakan strategi terjemahan yang cenderung kepada bahasa sasaran (TL) termasuklah kata emosi yang dikategorikan sebagai emosi kompleks. Kecenderungan ini juga menunjukkan bahawa terjemahan literal tidak mampu menyampaikan medan semantik kata emosi bahasa Jepun secara sepenuhnya sehingga menyebabkan penterjemah terpaksa menggunakan kaedah yang disesuaikan dengan pemahaman pembaca sasaran, sekali gus membuktikan bahawa ada kata emosi yang tidak dapat disampaikan sepenuhnya dalam bahasa sasaran.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengkaji berjaya meneroka kategori kata emosi dalam bahasa Jepun seterusnya membandingkan kata emosi antara bahasa Jepun dengan bahasa Melayu, selain berjaya membuktikan bahawa kata emosi asas dapat diterjemahkan secara langsung dalam bahasa sasaran kerana kewujudan padanan dalam bahasa sasaran (TL). Namun begitu, untuk kategori emosi kompleks, strategi terjemahan yang digunakan ialah penghapusan dan generalisasi, iaitu kaedah yang cenderung terhadap bahasa sasaran. Hal ini berlaku disebabkan oleh penggunaan kaedah terjemahan literal yang tidak mampu menyampaikan apa-apa yang cuba disampaikan oleh bahasa sumber. Hal ini menunjukkan bahawa ungkapan emosi budaya Jepun dan budaya Melayu mempunyai perbezaan, dan penterjemah perlu memahami perkara tersebut. Analisis kata emosi juga bukan sahaja mampu membantu pemahaman dan kecenderungan masyarakat yang mengamalkan budaya tersebut, malah menunjukkan bahawa budaya itu tidak terhad pada sesuatu yang kelihatan pada mata kasar, tetapi turut melibatkan sesuatu yang abstrak dan tersirat.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Normalis Amzah: Konsep dan reka bentuk kajian, analisis dan penginterpretasian hasil, semakan dan pengesahan, serta penghantaran manuskrip akhir; Farhan Athirah Abdul Razak: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, penulisan dan penyediaan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1996). Metaphors of anatomy as reflection of Malay cultural belief. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*, 1, 7–20.
- Bak, H. (2023). Issues in the translation equivalence of basic emotion terms. *Ampersand*, 11(100128).
- Baker, M. (1997). *In other words: A coursebook on translation*. Routledge.
- Basnight-Brown, D. M., Kazanas, S. A., & Altarriba, J. (2020). Translation ambiguity in Mandarin-English bilinguals: Translation production differences in concrete, abstract, and emotion words. *Linguistic Approaches to Bilingualism*, 10(4), 559–586.
- Bendix, E. H. (1969). Componential analysis of general vocabulary: The semantic structure of a set of verbs in English, Hindi and Japanese'. *General Linguistics* 9(1), 41.
- Cacioppo, J. T., & Gardner, W. L. (1999). Emotion. *Annual Review of Psychology*, 50(1), 191–214.
- Du, S., Tao, Y., & Martinez, A. M. (2014). Compound facial expressions of emotion. *Proceedings of the national academy of sciences*, 111(15), E1454–E1462.

- Ekman, P., & Friesen, W. V. (1971). Constants across cultures in the face and emotion. *Journal of Personality and Social Psychology*, 17(2), 124.
- Ekman, P., Friesen, W. V., & Ellsworth, P. (1982). What are the similarities and differences in facial behavior across cultures. Dlm. P. Ekman, W. V. Friesen & P. Ellsworth (Eds.), *Emotion in the human face*, 2, 128–144. Pergamon Press.
- Ekman, P., Friesen, W. V., & Ellsworth, P. (2013). *Emotion in the human face: Guidelines for research and an integration of findings*. Elsevier.
- Farese, G. M. (2017). The cultural semantics of the Japanese emotion terms ‘Haji’ and ‘Hazukashii’. *New Voices in Japanese Studies*, 8, 32–54. <https://doi.org/10.21159/nvjs.08.02>
- Fridlund, A. J., Ekman, P., & Oster, H. (1987). Facial expressions of emotion: Review of literature, 1970–1983. Dlm. A. W. Siegman & S. Feldstem (Eds.), *Nonverbal behavior and communication* (edisi ke-2) (143–224). Psychology Press.
- Goddard, C. (1997). Contrastive semantics and cultural psychology: ‘Surprise’ in Malay and English. *Culture & Psychology*, 3(2), 153–181.
- Goddard, C. (2001). Sabar, ikhlas, setia–patient, sincere, loyal? Contrastive semantics of some ‘virtues’ in Malay and English. *Journal of Pragmatics*, 33(5), 653–681.
- Goddard, C. (2008). Contrastive semantics and cultural psychology: English heart vs. Malay hati. Dlm. Darzad Sharufuab, R. Dirven, Ning Yu, & S. Niemer (Eds.), *Culture, body, and language: Conceptualizations of internal body organs across cultures and languages*, (75–102). De Gruyter Mountain.
- Grafflin, D. (1983). Second thoughts on Kokoro. *The Journal of the Association of Teachers of Japanese*, 18(2), 145–166.
- Hanczakowski, A. (2018). “Translating Emotion from Italian to English: A Lexical-Semantic Analysis”. *The AALITRA Review: A Journal of Literary Translation*, 13 (December 2018), 21–34.
- Hasada, R. (2002). ‘Body part’ terms and emotion in Japanese. *Pragmatics Cognition*, 10(1–2), 107–128. doi:<https://doi.org/10.1075/pc.10.12.06has>
- Hasada, R. (2006). Cultural scripts: Glimpses into the Japanese emotion world. Dlm. C. Goddard (ed.), *Ethnopragmatics. Understanding discourse in cultural context* (171–198). De Gruyter Mouton.
- Holoborodko, A. (2013). *Some problems of translating emotion words from Russian into Japanese in F. Dostoevsky’s novel “White Nights”: Contrastive analysis of three Japanese translations with the Russian original text concerning emotional discourse* [Tesis kedokteran yang tidak diterbitkan]. Hitotsubashi University, Tokyo.
- Imran Ho-Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2005). *Conceptualization of emotions in Malay: “Hati” (the Liver) as the source of emotions*. [Pembentangan kertas]. 9th International Cognitive Linguistics Conference, Yonsei University, Korea.

- Izard, C. E., & Buechler, S. (1980). Aspects of consciousness and personality in terms of differential emotions theory. Dlm. R. Plutchik & H. Kellerman (Eds.), *Theories of emotion* (165–187). Elsevier.
- Johnson-Laird, P. N., & Oatley, K. (1989). The language of emotions: An analysis of a semantic field. *Cognition and emotion*, 3(2), 81–123.
- Jones, T. (2003). Translation and belief ascription: Fundamental barriers. Dlm. P. G. Rubel & A. Rosman (Eds.), *Translating cultures perspectives on translation and anthropology* (45–73). Berg.
- Katan, D., & Taibi, M. (2021). *Translating cultures: An introduction for translators, interpreters and mediators*. Routledge.
- Kayyal, M. H., & Russell, J. A. (2013). Language and emotion: Certain English–Arabic translations are not equivalent. *Journal of Language and Social Psychology*, 32(3), 261–271.
- Kindaichi, H. (1989). *The Japanese language* (U. Hirano, Trans.). Tuttle Publishing.
- Kindaichi, H. (2011). *Japanese language: Learn the fascinating history and evolution of the language along with many useful Japanese grammar points*. Tuttle Publishing.
- Kobayashi, F., Schallert, D. L., & Ogren, H. A. (2003). Japanese and American folk vocabularies for emotions. *The Journal of social psychology*, 143(4), 451–478.
- Kokusai Kōryū Kikin (Ed.). (2008). *A wild Haruki chase: Reading Murakami around the world*. Stone Bridge Press.
- Miller, G. A., & Johnson-Laird, P. N. (1976). *Language and perception*. Belknap Press.
- Mulyadi. (2003, Februari). Semantik: Konsep emosi dalam bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 1(2), 28–35. <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa21/feb/j02sem2.html>
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation* (66). Prentice hall New York.
- Oatley, K., & Johnson-Laird, P. N. (1987). Towards a cognitive theory of emotions. *Cognition and emotion*, 1(1), 29–50.
- Occhi, D. J. (2008). How to have a HEART in Japanese. Dlm. Farzad Sharifian, R. Dirven, Ning Yu & S. Niemeier (Eds.), *Culture, body, and language: Conceptualizations of internal body organs across cultures and languages* (191–212). De Gruyter Mountan.
- Oster, U. (2023). Translating emotions: A corpus-based study of the conceptualization of ANGER in German-Spanish translation. *Languages in Contrast*, 23(2), 199–225.
- Pederson, J. (2005). How is culture rendered in subtitles. Dlm MuTra 2005-Challenges of multidimensional translation: Conference proceedings (1–18). Saarbrücken: EU High Level Scientific Conference Series.

- Plutchik, R. (2001). The nature of emotions: Human emotions have deep evolutionary roots, a fact that may explain their complexity and provide tools for clinical practice. *American Scientist*, 89(4), 344–350.
- Rosman, A., & Rubel, P. G. (Eds.). (2003). *Translating cultures: Perspectives on translation and anthropology*. Berg
- Russell, J. A. (1991). Culture and the categorization of emotions. *Psychological Bulletin*, 110(3), 426.
- Sherlock, E. T. (1984). *Kokoro as ecological insight: The concept of heart in Japanese literature*. University of British Columbia.
- Wierzbicka, A. (1992). *Semantics, culture, and cognition: Universal human concepts in culture-specific configurations*. Oxford University Press on Demand.
- Wolf, K. (2015). Measuring facial expression of emotion. *Dialogues in clinical neuroscience*, 17(4), 457–462.